

PEMBERI MAKLUMAT PEMBELOT NEGARA? KAJIAN KES

WHISTLEBLOWER A TRAITOR? CASE STUDY

Azlin Namili Mohd. Ali @ Ramli¹
Aspalella Abdul Rahman²
Nurli Yaacob³

^{1,2,3} Pusat Pengajian Undang-undang, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia. Email: ¹azlin@uum.edu.my, ²lella@uum.edu.my, ³nurli@uum.edu.my

Accepted date: 16-12-2018

Published date: 31-12-2018

To cite this document: Mohd Ali, A. N., Rahman, A. A. & Yaacob, N. (2018). Pemberi Maklumat Pembelot Negara? Kajian Kes. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3 (13), 182-194.

Abstrak: Laporkanlah jika ada salahlaku, ianya perbuatan yang betul untuk dilakukan. Seorang pemberi maklumat boleh meletakkan keadilan ditempat yang sepatutnya. Jika tidak disebabkan maklumat yang diberikan, maka salahlaku akan terus terjadi dan ini mungkin akan memudaratkan lebih ramai orang, malah memudaratkan sesebuah negara jika salahlaku tersebut tidak dihentikan. Namun, seorang pemberi maklumat terpaksa menghadapi risiko yang tinggi termasuklah menggadai nyawa, kebebasan, keluarga, pekerjaan, malah menghadapi tohmahan daripada segelintir masyarakat yang tidak bersetuju dengan pemberian maklumat tersebut. Ini ketara apabila maklumat yang didedahkan adalah rahsia sulit kerajaan. Kajian kes yang dibuat ke atas dua pemberi maklumat iaitu Edward Snowden dan Helve Falciani mendapati mereka terpaksa melarikan diri memohon suaka dari negara lain bagi mengelak dari didakwa dan dihukum di negara yang maklumat rahsianya mereka dedahkan. Walaupun maklumat rahsia tersebut adalah bertentangan dengan demokrasi dan undang-undang di negara tersebut atau undang-undang antarabangsa. Menggunakan kaedah penyelidikan perundangan yang berbentuk kajian kes di mana beberapa perbandingan dibuat antara kes-kes pemberi maklumat tersebut, maka didapati terdapat persamaan dan perbezaan antara kesan yang dihadapi oleh pemberi-pemberi maklumat tersebut. Antara kesannya adalah segolongan masyarakat menganggap mereka sebagai hero kerana berani menyatakan kesalahan yang dilakukan oleh negara. Sebahagiannya pula menganggap mereka sebagai pembelot negara yang membocorkan rahsia dan mengabaikan kepentingan negara.

Kata Kunci: Pemberi Maklumat, Pembelot Negara, Rahsia Kerajaan, Kajian Kes, Akta Pemberi Maklumat 2010

Abstract: *Speak out of misconduct, it is a right thing to do. Whistleblowers can put justice right at its place. If not because of the information provided, the misconduct will continue to occur and this may be harmful to more people, and detrimental to a country if the wrongdoing is not stopped. However, a whistleblower need to face certain risks regarding their life, freedom, family, jobs, and even confronting some of the people who do not agree with the whistleblowing. This will be apparent when the information disclosed is a confidential secret of the government. The case study of two informants, Edward Snowden and Helve Falciani, found that they had to flee to seek asylum from other countries in order to avoid being prosecuted and punished in a country whose secret information they disclosed although such confidential information is inconsistent with democracy and the laws of the country or with international law. Using a legal research method in the form of case studies where some comparisons were made between the whistleblower cases, it was found that there were similarities and differences between the effects faced by the whistleblowers. Among the consequences is that a group of people regard them as a hero for their bravery in reporting the offenses committed by the state. Some consider them a traitor for leaking the state secrets and neglect the interests of the country.*

Keywords: *Whistleblower, Traitor, Government Secret, Case Study, Whistleblower Protection Act 2010*

Pendahuluan

Albert Einstein pernah berkata “Dunia ini adalah tempat yang merbahaya, bukan kerana orang yang membuat kejahatan tetapi kerana orang yang melihat kejahatan tersebut tidak berbuat apa-apa (Moore, 2015). Kata-kata Albert Einstein tersebut boleh dikaitkan dengan konsep pemberi maklumat di mana ianya adalah lumrah kehidupan berlakunya kejahatan di dunia ini, tetapi yang lebih merbahayanya adalah apabila orang yang menyaksikan kejahatan hanya berdiam diri dan tidak mengambil apa-apa tindakan untuk membendung kejahatan itu. Ini membuatkan kejahatan itu (i) tidak dapat disekat dari berlaku jika ia masih dalam perancangan; (ii) tidak dapat dihentikan jika ia sedang berlaku dan (iii) bila ia telah berlaku, orang yang berbuat kejahatan itu tidak dihukum untuk menjadikannya sebagai pengajaran kepada orang awam yang lain. Konsep pemberian maklumat ini terdapat di seluruh dunia mengikut undang-undang dan budaya sesebuah negara. Pemberi maklumat adalah seseorang yang mendedahkan maklumat rahsia berkaitan kesalahan yang berlaku dalam sesebuah organisasi. Kadang-kala maklumat tersebut melibatkan kesalahan yang dilakukan oleh sesebuah organisasi yang ada kaitan dengan kerajaan atau yang diklasifikasikan sebagai rahsia kerajaan. Seseorang yang memberitahu rahsia kerajaan boleh dianggap sebagai tidak setia kepada negara atau pengkhianat atau pembelot negara walaupun rahsia tersebut memudaratkan masyarakat awam di negara tersebut atau negara-negara lain. Ini berlaku dalam kes Bradley Manning dan Edward Snowden yang telah menggemparkan masyarakat. Bradley Manning mendedahkan video perang di Baghdad yang menunjukkan tentera Amerika menembak penduduk awam (McGreal, 2010) dan Edward Snowden pula mendedahkan *National Security Agency* (NSA) di Amerika telah memecah masuk ke dalam talian komunikasi utama *Yahoo* dan *Google* di seluruh dunia dan mengumpul data tanpa kebenaran daripada beratus juta akaun pengguna (Allman, 2013). Antara data yang dikumpul adalah *metadata* yang menunjukkan siapa yang telah menghantar dan menerima email serta kandungan teks, audio dan video (Gellman, B. dan Soltani, A., 2013). Masyarakat

mempertikaikan sama ada mereka adalah pengkhianat negara, pengintip atau pemberi maklumat.

Artikel ini adalah kajian kes berkaitan dengan beberapa pemberi maklumat yang mendedahkan maklumat diklasifikasikan sebagai rahsia negara. Analisa di buat terhadap kes-kes di beberapa negara yang berbeza untuk melihat kesan dan perlindungan yang diberikan kepada mereka. Penemuan penyelidikan ini adalah penting kerana ia boleh memberikan gambaran berkenaan masalah yang dihadapi oleh pemberi maklumat bila mendedahkan maklumat rahsia kerajaan yang bertentangan dengan kepentingan awam.

Metodologi Kajian

Kertas kerja ini adalah penyelidikan undang-undang yang menggunakan pendekatan kualitatif. Ianya menggunakan kaedah kajian kes secara deskriptif dan menganalisa sesuatu kes serta membuat perbandingan dengan tujuan untuk mencari persamaan atau perbezaan yang wujud dari kes tersebut (Yaqin, 2007). Analisa secara kritikal dibuat daripada maklumat dan fakta kes yang ada (Yaqin, 2007). Artikel ini membuat perbandingan berkenaan konsep pemberi maklumat yang mendedahkan maklumat yang dianggap sebagai rahsia kerajaan Ia merupakan kajian retrospektif di mana penyelidik melihat kembali koleksi data yang berkaitan dengan orang, fenomena, keadaan, peristiwa dan mengkajinya dalam integriti sejarahnya (Starman, A.B., 2013). Kaedah ini membantu penyelidik memahami lebih mendalam tentang masalah yang dihadapi pemberi maklumat yang mendedahkan rahsia kerajaan. Penyelidik mengumpul data seperti berikut: (1) melibatkan beberapa kes yang hampir sama, (2) wujud replikasi dalam kes-kes yang boleh menghasilkan pola yang hampir sama berhubung dengan fenomena yang diselidiki; (3) setiap kes boleh menghasilkan ramalan yang sama atau berbeza dan (4) hasil penyelidikan didapati dengan melihat persamaan dan perbezaan dalam kes-kes tersebut. Untuk artikel ini, penulis merujuk kepada kes yang diputuskan oleh mahkamah, pelbagai buku, artikel berkala, suratkhbar dan laporan.

Sorotan Karya

Definisi dan Konsep Pemberi Maklumat

Menurut Near dan Miceli (1985), pemberi maklumat adalah seseorang dalam organisasi yang mendedahkan apa-apa yang dilakukan oleh ahli organisasi tersebut yang tidak bermoral, bertentangan dengan undang-undang atau yang bercanggah dengan amalan organisasi tersebut. Mengikut seksyen 2 dan seksyen 6 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (APPM 2010) di Malaysia, pemberi maklumat adalah seseorang yang membuat laporan kelakuan tidak wajar seseorang yang lain kepada agensi-agensi penguatkuasaan dengan kepercayaan seseorang yang lain itu telah, sedang atau akan melibatkan diri dengan kelakuan tak wajar tersebut, dengan syarat ia tidak dilarang secara khusus oleh undang-undang bertulis yang ada di Malaysia. Agensi-agensi penguatkuasaan pula ditakrifkan sebagai kementerian, jabatan, agensi atau apa saja badan yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri ataupun kerajaan tempatan iaitu termasuklah seksyen, bahagian, unit, jabatan atau agensi kementerian yang diberi tugas penguatkuasaan dan penyiasatan oleh undang-undang bertulis yang lain (seksyen 2 APPM 2010).

Pemberi maklumat boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu pemberi maklumat luaran dan pemberi maklumat dalaman. Pemberi maklumat dalaman adalah di mana ahli sesebuah organisasi membuat laporan mengenai kesalahan undang-undang, tidak bermoral atau amalan-amalan yang bercanggah dengan peraturan organisasi tersebut. Manakala pemberi

maklumat luaran pula adalah apabila orang yang berada di luar sesuatu organisasi membuat laporan mengenai perbuatan-perbuatan yang tidak bermoral, salah laku atau bertentangan dengan amalan penjawat di dalam organisasi tersebut (Mansbach, A dan Bachner, Y.G., 2010)

Menurut Transparency International (2010), pemberian maklumat adalah antara alat yang sangat penting bagi memerangi salah laku. Salah laku biasanya dilakukan secara rahsia. Hanya orang yang terlibat dengannya dan sesiapa yang bekerja dengan mereka sahaja akan mengetahuinya. Mereka ini biasanya yang dapat mengesan kes-kes salah laku sama ada yang sedang berlaku, telah berlaku atau disyaki akan berlaku. Maka mereka boleh mendedahkannya kepada saluran-saluran yang betul supaya siasatan dapat dibuat dan diambil tindakan. Namun untuk membuat laporan, mereka memerlukan perlindungan yang berkesan daripada pihak kerajaan kerana mereka mungkin akan diambil tindakan balas atas maklumat yang didedahkan itu. Tindakan balas mungkin dalam bentuk dakwaan di mahkamah kerana membocorkan rahsia sesebuah organisasi, pemecatan kerja, pertukaran tempat kerja, malah boleh melibatkan kehilangan nyawa diri mereka atau keluarga.

Rahsia Kerajaan/Organisasi

Setiap organisasi atau kerajaan mempunyai maklumat-maklumat tertentu yang hanya boleh diakses oleh orang-orang tertentu sahaja, biasanya pekerja-pekerja yang telah dilantik untuk menjalankan kerja dalam organisasi tersebut. Maklumat-maklumat ini dianggap sulit/rahsia sesebuah organisasi, maka ia tidak boleh disebarkan kepada pekerja-pekerja yang tiada bidangkuasa untuk mengaksesnya, apatah lagi kepada orang di luar organisasi tersebut. Ianya dianggap sebagai satu bentuk ketaatan kepada perintah atau peraturan atau arahan daripada pihak berkuasa organisasi tersebut. Mungkin juga ia adalah atas dasar perjanjian yang ditandatangani oleh pekerja dengan majikannya untuk menyimpan maklumat tertentu sebagai rahsia organisasi. Menjaga sesuatu perjanjian adalah satu yang sangat terpuji dan seseorang boleh didakwa atau diambil tindakan jika melanggar perjanjian tersebut.

Namun seorang pekerja juga merupakan warganegara, lebih-lebih lagi seorang kakitangan awam. Setiap warganegara adalah tertakluk kepada Perlembagaan negara. Apabila seseorang pekerja yang mempunyai akses kepada maklumat rahsia organisasi dan mendapati ianya bertentangan dengan kepentingan awam, undang-undang domestik atau antarabangsa, ia mungkin mewujudkan perasaan bersalah dalam diri pekerja berkenaan jika tidak mendedahkan maklumat tersebut demi menjaga masalah umum. Apalagi bila maklumat rahsia tersebut adalah berkaitan sesebuah kerajaan yang menipu rakyatnya mengenai hak-hak yang dijamin oleh Perlembagaan atau perkara-perkara perang dan keamanan (Ellsberg, 2013).

Bagi pihak eksekutif sesebuah kerajaan, apa saja pendedahan yang dibuat tanpa kebenaran dan berkaitan dengan maklumat rahsia negara, tanpa mengira kenapa dan kepada siapa ia didedahkan, menunjukkan kelemahan pihak eksekutif untuk mengawal rahsia kerajaan daripada tersebar kepada orang ramai. Perkembangan teknologi dan media serta peningkatan kepada akses maklumat rahsia telah meningkatkan kebocoran maklumat rahsia kerajaan. Dalam era digital, keupayaan untuk menyebarkan maklumat adalah meluas, tidak hanya berpusat kepada orang tertentu sahaja. Mereka yang ingin mendedahkan maklumat kepada orang awam, mempunyai pelbagai pengantara asing dan domestik untuk menyebarkan maklumat tersebut, malah ada kalanya mereka boleh terus menyebarnya tanpa sebarang pengantaraan. Kepada sesebuah kerajaan, penyebaran maklumat rahsia negara kepada pengantara asing adalah sangat merbahaya kerana ia memudahkan penyebaran kepada negara

pesaing atau negara musuh. Ianya juga susah untuk sesuatu negara mendakwa penerbit negara lain atas dakwaan jenayah dan mungkin mereka beroperasi di luar bidangkuasa negara tersebut. Contohnya untuk menyekat Wikileaks daripada menerbitkan maklumat rahsia kerajaan adalah sia-sia kerana bahan yang diterbitkan diletakkan di jaringan yang rumit dan pelayannya terletak di pelbagai negara (Papandrea, 2014). Ektradisi oleh kerajaan Amerika Syarikat ke atas Julian Assange untuk menghadapi pendakwaan pembocoran maklumat adalah sangat sukar (Papandrea, 2014). Julian Assange adalah pengaturcara komputer Australia dan editor Wikileaks. Dia diberi suaka oleh kerajaan Ecuador pada tahun 2012 dan mendapat kerakyatan pada tahun 2017. Kerajaan juga takut untuk mendakwa pemberi maklumat yang membocorkan rahsia kerajaan kerana dikhuatiri kerajaan harus memberitahu lebih banyak rahsia kerajaan yang berkaitan dalam perbicaraan.

Kajian Kes di Negara-Negara Terpilih

Kajian ke atas kes-kes adalah mengikut negara Amerika Syarikat, Switzerland dan Malaysia.

Amerika Syarikat

Antara dua kes penting berkaitan pendedahan maklumat sulit kerajaan pada masa ini adalah kes Edward Snowden dan Bradley Manning. Edward Joseph Snowden dilahirkan pada 1983 di Carolina Utara, Amerika adalah seorang pakar dalam bidang komputer. Beliau pernah bekerja di *Central Intelligence Agency* (CIA) pada tahun 2006 dan telah meninggalkan pekerjaannya pada tahun 2009 bila disyaki cuba mendapatkan fail sulit. Dia kemudiannya bekerja dengan kontraktor swasta Dell, firma perunding teknologi. Pada masa yang sama, beliau bekerja sebagai sub-kontraktor di pejabat *National Security Agency* (NSA) di Jepun, yang kemudiannya ditukarkan ke pejabat di Hawaii. Dia telah berpindah ke syarikat Booz Allen Hamilton. Edward Snowden telah menyalin dokumen rahsia sulit mengenai amalan pengawasan domestik NSA. Dia kemudiannya pergi berjumpa wartawan *The Guardian* dan pembuat filem Laura Poitras. Pada tahun 2013, dokumen tersebut telah disebar oleh *The Guardian* dengan mendedahkan *Foreign Intelligence Surveillance Court* telah memberi arahan supaya syarikat Verizon mengeluarkan maklumat kepada NSA secara berterusan setiap hari yang diambil daripada aktiviti telefon pelanggan Amerika Syarikat mereka. Beliau juga telah mendedahkan beribu dokumen NSA kepada wartawan Glenn Greenwald, Laura Poitras, and Ewen MacAskill. Berita berkaitan dokumen tersebut telah diterbitkan dalam suratkhbar *The Guardian*, *The Washington Post*, *Der Spiegel* dan *The New York Times*. *Department of Justice* Amerika Syarikat mendakwa Snowden mencuri harta kerajaan dan melanggar peruntukan 793(d) dan 798(a) (3) *Espionage Act* 1917 iaitu mendedahkan maklumat pertahanan negara secara tidak sah dan komunikasi maklumat sulit kepada orang yang tidak dibenarkan. Susulan daripada itu, *Department of State* telah membatalkan pasportnya. Beliau kemudiannya terbang ke Lapangan Terbang Sheremetyevo di Moscow, tetapi pihak berkuasa Rusia menyatakan bahawa pasport Amerika Syarikatnya telah dibatalkan. Namun akhirnya, kerajaan Rusia memberikan hak suaka untuk satu tahun dan menyambungkannya secara berulang sehingga tahun 2020. Pada tahun 2014, kerajaan Amerika telah mengeluarkan kenyataan yang mereka mungkin kerugian sebanyak berbillion dollar untuk menukar struktur keselamatan disebabkan maklumat sulit yang didedahkan oleh Edward Snowden. Dalam satu temubual dengan NBC News, Edward Snowden menyatakan dia seorang yang patriotik. Dengan pendedahan yang dibuat, maka perlindungan terhadap data-data awam dipertingkatkan di Amerika Syarikat dan negara-negara lain. Dia juga menyatakan pengintipan kerajaan pada dasarnya mengubah keseimbangan kuasa antara rakyat dan negara. Pada awal 2016, beliau menjadi presiden Yayasan Kebebasan Akhbar, sebuah organisasi yang bertujuan untuk melindungi wartawan daripada penggodaman dan

pengawasan kerajaan. Beliau juga bercadang meminta pengampunan daripada kerajaan Amerika Syarikat. *American Civil Liberties Union*, *Human Rights Watch* dan *Amnesty International* telah melancarkan kempen memohon Presiden Obama untuk mengampunkan Edward Snowden. Ahli *House Intelligence Committee* telah menggesa Presiden Obama untuk tidak mengampunkan Edward Snowden kerana telah membuat pendedahan terbesar mengenai maklumat sulit kerajaan kepada orang awam yang mana mengakibatkan kemusnahan yang besar dalam sejarah Amerika Syarikat. Presiden Obama telah menolak permohonan pengampunannya. Pada tahun 2017 beliau tinggal di lokasi yang tidak didedahkan di Moscow (Biography,n.d.).

Bradley Edward Manning seorang bekas askar Amerika Syarikat pula telah dilahirkan pada 1987 di Oklahama, Amerika Syarikat. Dia telah ditugaskan di Iraq pada tahun 2009 sebagai penganalisis perisikan dan mempunyai akses kepada pengkalan data. Beliau telah mendedahkan maklumat rahsia dari pengkalan data tersebut kepada WikiLeaks dan memberitahu kepada rakannya Adrian Lamo yang kemudiannya secara tidak langsung memaklumkan kepada Komando Penyiasatan Jenayah Tentera. Pendedahan yang dibuat oleh Bradley Manning termasuklah video bertarikh 12 Jun 2007 iaitu serangan udara di Baghdad yang menunjukkan helikopter Apache Amerika menyerang sekumpulan orang awam di Baghdad Timur (Grand, 2013); serangan udara Granai pada tahun 2009 di Afghanistan; 251,287 kabel diplomatik Amerika; 482,832 laporan tentera yang dikenali sebagai "*Iraq War Logs*" (400 000 dokumen) dan "*Afghan War Diary*"(91 000 dokumen). Semua bahan ini telah diterbitkan oleh WikiLeaks dan rakan medianya antara April 2010 dan April 2011. Edward Manning ditangkap pada bulan Mei 2013 dan terus didakwa pada tahun yang sama. Beliau didakwa dengan 22 kesalahan, termasuk membantu musuh yang merupakan tuduhan yang paling serius dan boleh menyebabkan hukuman mati; melanggar peruntukan *Espionage Act 1917*; mencuri harta kerajaan; melanggar peruntukan *Computer Fraud and Abuse Act 1986* dan pelbagai tuduhan tidak mematuhi perintah. Beliau telah ditahan di Brig Marine Corps, Quantico di Virginia, dari Julai 2010 hingga April 2011, di bawah status *Prevention Injury* yang mana ia diasingkan daripada tahanan lain dan juga sekatan lain secara domestik dan antarabangsa. Beliau kemudiannya dipindahkan ke *Joint Regional Correctional Facility* di Fort Leavenworth, Kansas, di mana beliau boleh berinteraksi dengan tahanan lain. Beliau telah mengaku bersalah pada Februari 2013 kepada 10 pertuduhan. Perbicaraan atas tuduhan baki bermula pada 3 Jun 2013. Pada 30 Julai, dia disabitkan dengan 17 pertuduhan asal dan empat pertuduhan yang dipinda, namun dibebaskan untuk tuduhan membantu musuh. Beliau dijatuhkan hukuman penjara selama 35 tahun di *Disciplinary Barracks* di Fort Leavenworth. Dia mengaku sebagai seorang transgender pada tahun 2016 dan mahu dikenali sebagai Chelsea Elizabeth Manning. Pada 17 Januari, 2017, Presiden Barack Obama mengubah hukuman itu kepada tujuh tahun penjara daripada tarikh penangkapannya pada 27 Mei 2010.

Switzerland

Helve Falciani adalah seorang berbangsa Itali-Perancis dan pakar teknologi maklumat yang telah mendedahkan salah laku Hong Kong & Shanghai Bank Corporation (HSBC) di Switzerland. Beliau telah melarikan diri dari Switzerland ke Perancis pada tahun 2008 dengan senarai nama 130,000 organisasi dan individu yang menggunakan sistem perbankan Swiss untuk pengubahan wang haram dan mengelak daripada cukai di negara masing-masing. Kerajaan Switzerland mengeluarkan waran antarabangsa untuk penangkapan Falciani atas kesalahan kerana melanggar undang-undang kerahsiaan bank dan komersil serta pengintipan perindustrian yang mana beliau dijatuhkan hukuman penjara lima tahun. Sebaliknya kerajaan

Perancis telah menggunakan senarai nama tersebut untuk mendakwa warganegarannya yang mengelak daripada pembayaran cukai. Falciani melarikan diri ke Sepanyol dan pada tahun 2013, Mahkamah Nasional Sepanyol telah menolak permintaan ekstradisi Switzerland atas alasan melanggar kerahsiaan bank bukanlah satu kesalahan di Sepanyol jika kerahsiaan itu digunakan untuk menutup kesalahan yang serius. Falciani telah dibebaskan tetapi beliau tidak dibenarkan meninggalkan Sepanyol dan pasportnya dipegang oleh kerajaan Sepanyol serta diarahkan melaporkan diri sekali seminggu kepada polis. Pihak berkuasa Sepanyol memperolehi sejumlah 262 juta pound daripada 637 warga Sepanyol yang mengelak cukai dan terbabit dalam aktiviti pengubahan wang haram di dalam senarai Falciani. Falciani ditaja di bawah program keselamatan oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Namun pada November 2015, mahkamah Switzerland telah menjatuhkan hukuman lima tahun penjara atas kesalahan pengintipan kewangan dan kecurian data walaupun beliau tiada di Switzerland pada waktu tersebut. Mereka mengekstradisinya untuk menjalani hukuman tersebut (Burgen, 2018). Kesan daripada pendedahan maklumat oleh Falciani, pada tahun 2015, mahkamah di Perancis meletakkan HSBC di bawah siasatan rasmi untuk amalan kewangan dan perbankan yang tidak sah. Belgium pula mendakwa HSBC Switzerland atas tuduhan pengubahan wang haram dan penipuan manakala Argentina mendakwa HSBC Switzerland membantu warganegarannya mengelakkan cukai. Pada tahun 2015, Pendakwa Kewangan Perancis secara rasmi meminta bank HSBC di Switzerland dibicarakan atas tuduhan jenayah dan penipuan cukai (Leigh, Ball, Garside & Pegg, 2015)

Malaysia

Mohd Rafizi Ramli telah dilahirkan di Terengganu pada 1977. Pernah bekerja sebagai pengurus kanan di syarikat Petronas Carigali pada tahun 2003 hingga 2009. Beliau adalah seorang ahli politik parti Pakatan Harapan yang telah membuat banyak pendedahan maklumat sulit kerajaan kepada pihak media.

Kes pertamanya melibatkan pendedahan empat dokumen profil pelanggan Public Bank iaitu penyata baki akaun syarikat National Feedlot Corporation (NFCorp), National Meat and Livestock Sdn Bhd, Agroscience Industries Sdn Bhd dan pengerusi NFCorp Datuk Seri Mohamad Salleh Ismail yang dikatakan menyalahgunakan wang kerajaan. Mohd Rafizi mendedahkan dokumen tersebut kepada perunding media Yusuf Abdul Alim dan kepada wartawan The Star, Erle Martin Carvalho. Mohd Rafizi telah didakwa pada Ogos 2012 di bawah seksyen 97(1) dan seksyen 112(1)(c) Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 (APIK 1989) di Mahkamah Sesyen yang boleh dihukum di bawah seksyen 103(1)(a) di bawah akta yang sama yang boleh membawa hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun atau denda RM3 juta atau kedua-duanya sekali. Ianya adalah kesalahan kerana mendedahkan kesemua dokumen yang sepatutnya adalah dokumen yang patut dirahsiakan mengikut APIK 1989. Kerani Public bank yang bernama Johari Mohamad, 44, juga dituduh bersubahat dengan Mohd Rafizi (Iskandar Syah Mohamed, 2018). Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman penjara 30 bulan penjara terhadap Mohd Rafizi (PP v. Rafizi Ramli, 2014). Mohd Rafizi tidak mendapat perlindungan di bawah APPM 2010 kerana dia tidak memenuhi syarat-syarat di bawah peruntukan APPM 2010. Antara syaratnya yang pertama adalah seorang pemberi maklumat hanya dibenarkan untuk melapor salah laku atau rasuah kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang dinyatakan di dalam APPM 2010 sahaja. Laporan kepada selain daripada agensi-agensi penguatkuasaan tersebut adalah tidak dibenarkan. Mohd Rafizi telah mendedahkan maklumat tersebut kepada wartawan media. Keduanya, pemberi maklumat juga tidak boleh mendedahkan maklumat yang secara khususnya telah dinyatakan di bawah akta-akta lain sebagai maklumat yang harus dirahsiakan (seksyen 6 APPM 2010). APIK 1989

melarang sesiapa yang mempunyai akses kepada data akaun pelanggan daripada mendedahnya kepada pihak ketiga tanpa kebenaran. Daripada pendedahan maklumat tersebut, pengerusi NFCorp, Datuk Seri Mohamad Salleh Ismail telah didakwa atas tuduhan pecah amanah pada tahun 2012 kerana membeli dua unit kondominium menggunakan wang NFCorp sebanyak RM9.7 juta dan memindahkan RM40 juta ke akaun National Meat and Livestock Sdn Bhd, syarikat kepunyaan beliau dan anaknya. Walau bagaimanapun, beliau telah dibebaskan daripada tuduhan pecah amanah yang bernilai 49.7 juta tersebut (The Star Online, 2015). Sebaliknya, beliau telah menyaman Mohd Razifi atas tuduhan fitnah dan Mohd Rafizi telah diarahkan untuk membayar gantirugi RM200, 000 dan kos RM100,00 (Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail & Anor V. Mohd Rafizi Ramli & Anor [2016] 9 CLJ 813).

Keduanya adalah kes Khairul Azwan bin Harun lwn Mohd Rafizi Ramli (2016), dimana Mohd Rafizi telah didakwa apabila beliau mendedahkan dalam satu sidang akhbar pada tahun 2015 berkaitan beberapa pembelian harta telah dibuat di Australia oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang menyebabkan ketirisan RM63 juta dan menamakan Khairul Azwan sebagai seorang yang boleh menjawab bagaimana keadaan itu berlaku. Dalam kes ini, Hakim Mahkamah Tinggi, Nantha Balan telah memutuskan bahawa kenyataan yang dibuat oleh Mohd Rafizi adalah termasuk dalam komen yang adil iaitu seorang warganegara yang prihatin tentang kemungkinan wang negara telah disalahgunakan. Oleh itu beliau dibebaskan dari tuduhan memfitnah. Hakim mengarahkan Khairul Azwan membayar RM73,000 kepada Mohd Rafizi.

Ketiga, kes melibatkan mantan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Najib Razak dan isteri Datin Rosmah Mansor yang telah memfailkan saman fitnah ke atas Mohd Rafizi pada tahun 2015 kerana membuat kenyataan yang memalukan mereka dalam satu forum mengenai subsidi minyak di Bandar Tun Razak pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, mereka telah menarik balik tuduhan tersebut dan diarahkan membayar kos RM20,000 kepada Mohd Rafizi dan Chan Chee Kong, tuan punya Media Rakyat pada tahun 2018 (Channel NewsAsia, 2018).

Keempat, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) telah memfailkan saman fitnah terhadap Rafizi Ramli pada tahun 2016 kerana mengeluarkan kenyataan (i) 'Bayaran Gratuiti Pesara Angkatan Tentera Lewat: LTAT Perlu Dedahkan Risiko Kewangan Akibat 1MDB', (ii) kenyataan melalui laman web Malaysiakini yang bertajuk 'Rafizi: I have the document showing LTAT's link to 1MDB' dan (iii) Mohd Rafizi mengulangi kenyataan sama di laman Facebooknya bertajuk 'Laporan Ketua Audit Negara Ke Atas 1MDB Mengesahkan 1MDB Kesan Masalah Kewangan 1MDB Ke Atas LTAT'. Namun LTAT telah menarik balik saman tersebut pada Mei, 2018 di mana kedua-dua pihak merekodkan persetujuan tanpa kos dan tidak boleh memfailkan semula kes itu (Murni Omar, 2018).

Kelima, Mohd Rafizi telah disaman memfitnah Tabung Haji pada tahun 2016 di bawah seksyen 500 Kanun Keseksaan. Namun disebabkan pertuduhan tersebut tidak jelas maka pindaan dibuat terhadap tuduhan tersebut di mana beliau menyatakan (i) rizab Tabung Haji mengalami defisit selama dua tahun berturut-turut menyebabkan Tabung Haji tidak mampu membayar semula kepada pendeposit jika mereka semua mahu mengeluarkan simpanan secara serentak, (ii) keuntungan RM3.53 bilion yang diumumkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu, tidak mengambil kira kerugian akibat kejatuhan saham dan bon sekuriti Tabung Haji dalam pelaburannya dan (iii) TH membayar bonus melebihi pendapatannya pada 2012 dan 2014 yang mana bonus 2012 dibayar sempena pilihanraya umum yang semakin

hampir, sementara bonus 2014 disebabkan kerajaan perlu meyakinkan orang ramai yang isu 1MDB tidak menjejaskan pasaran kewangan tempatan (Abu Bakar, 2018). Disebabkan kenyataannya ini, 3954 pendeposit Tabung Haji telah menutup akaun kerana hilang keyakinan. Sehari selepas kenyataan itu dikeluarkan, pendeposit telah mengeluarkan sebanyak RM118.7 juta daripada akaun mereka (Bernama, 2018). Mahkamah menetapkan 26 September 2018 untuk sebutan semula kes serta empat hari perbicaraan bermula pada 28 November 2018 (Utusan Online, 2018).

Keenam, pada sidang akhbar Disember 2017, Mohd Rafizi telah menyatakan kontrak Ekspo Negaraku oleh Unit Perancangan Ekonomi (UPE) 2017 telah diberikan kepada adik kepada Abdul Rahman, seorang menteri yang menjaga UPE. Hakim memerintahkan Mohd Rafizi membayar kos RM20,000 dan kedua-dua pihak bersetuju untuk Mohd Rafizi membaca kenyataan maaf di mahkamah kerana didapati dakwaan Rafizi Ramli adalah tidak benar dan beliau mengakuinya (Maizatul Nazlina, 2018).

Akhirnya, Mohd Rafizi juga pernah dikenakan hukuman penjara 18 bulan oleh Mahkamah Sesyen kerana mendedahkan halaman 98 laporan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) tanpa kelulusan di satu sidang media, yang melanggar seksyen 8(1)(c)(iii) Akta Rahsia Rasmi 1972 (M. Mageswari, 2016) dan Mahkamah Tinggi Kula Lumpur mengekalkan hukuman tersebut (Wahi, 2017). Walaubagaimanapun, Mahkamah Rayuan mengetepikan hukuman penjara dan mengarahkan beliau berkelakuan baik selama dua tahun dan membayar jaminan RM10,000 bersama seorang penjamin. Ini kerana dokumen tersebut bukan lagi menjadi rahsia kerajaan dan tidak mendatangkan musibah kepada negara (Wan Omar, 2018).

Analisis

Daripada kes-kes di atas, di dapati bahawa seorang pemberi maklumat yang mendedahkan rahsia kerajaan, secara amnya tidak akan diberi perlindungan oleh negara mereka. Sebaliknya mereka akan didakwa di bawah akta-akta yang berkaitan dengan kerahsiaan maklumat negara. Ada masyarakat yang menganggap pemberi maklumat di atas sebagai pembelot negara kerana mendedahkan rahsia negara dan ada juga yang menganggap mereka sebagai pemberi maklumat atau hero yang mendedahkan kesalahan besar yang dilakukan oleh kerajaan mereka. Namun kerajaan mereka menyatakan mereka adalah pembelot negara. Kedua-dua kes di Amerika dan Switzerland menunjukkan mereka terpaksa melarikan diri dan meminta suaka daripada kerajaan negeri lain untuk mengelakkan diri daripada dakwaan dan hukuman yang dikenakan oleh kerajaan masing-masing. Walaupun kerajaan Amerika menegaskan kerahsiaan adalah diperlukan untuk operasi perisikannya, namun jika maklumat yang dirahsiakan itu adalah bertentangan dengan Perlembagaan atau demokrasi dan melibatkan pencabulan kepada hak-hak rakyatnya sendiri atau rakyat negara lain, maka ianya adalah sesuatu yang perlu dipersoalkan. Begitu juga dengan kes di Switzerland di mana walaupun ia menguntungkan kerajaan Switzerland tetapi ia menyebabkan kerugian yang besar kepada negara-negara lain.

Berlainan pula dengan kes Mohd Rafizi di mana beliau adalah seorang ahli politik. Sebelum PH memenangi pilihanraya di Malaysia, Rafizi didakwa dan disaman atas berbagai tuduhan yang kebanyakannya tewas dalam perbicaraan tersebut. Namun setelah PH menang dan menjadi parti pemerintah, banyak tuduhan ke atasnya digugurkan dan hukuman yang dikenakan kepadanya diringkankan. LTAT dan Datuk Najib Razak telah menarik balik saman fitnah tersebut terhadap Mohd Rafizi. Andaian yang boleh dibuat terhadap penarikan balik

saman itu adalah sama ada (i) Mohd Rafizi mempunyai kemudahan untuk mengakses dokumen yang diklasifikasi sebagai rahsia kerajaan untuk membuktikan kejujurannya di mahkamah kerana PH adalah kerajaan Malaysia sekarang; atau (ii) Berkemungkinan mahkamah berlaku berat sebelah dengan memberi kemenangan kepada Mohd Rafizi kerana beliau ahli politik PH, jika dilihat kepada hukuman penjara yang dikenakan terhadapnya kerana mendedahkan maklumat rahsia kerajaan telah ditukarkan kepada berkelakuan baik selama dua tahun atau (iii) LTAT sekarang ini di bawah penguasaan PH, maka tuduhan terhadap Mohd Rafizi ditarik balik dan (iv) Datuk Najib Razak merasakan tiada gunanya lagi untuk meneruskan saman fitnah tersebut kerana ia tidak akan membawa apa-apa kesan terhadap partinya yang telah kalah.

Setiap negara mempunyai akta-akta yang melindungi maklumat kerajaan daripada didedahkan kepada pihak ketiga. Amerika Syarikat mempunyai *Espionage Act 1917* yang digubal dua bulan selepas Perang Dunia Pertama antara negaranya dengan Jerman. Peruntukan akta ini menjadikannya satu jenayah kepada sesiapa yang menyampaikan maklumat kepada pihak lain yang bermaksud untuk campurtangan dalam operasi dan pengambilan pekerja Angkatan Tentera Amerika Syarikat dan untuk menggalakkan kejayaan negara musuh. Sesiapa yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda US\$10,000 dan penjara 20 tahun (Jessiekratz, 2017). Ia menyekat kebebasan bersuara di bawah Pindaan Pertama Perlembagaan Amerika Syarikat. Namun dalam kes Eugene Iwn Debs, dia dihukum penjara 10 tahun selepas beliau mengkritik *Espionage Act 1917* dalam satu ucapan. Mahkamah *Supreme* Amerika Syarikat memutuskan ucapan merendahkan masyarakat dan kerajaan adalah tidak dilindungi di bawah Pindaan Pertama. Sejak tahun 1945, akta ini telah digunakan 11 kali untuk mendakwa kakitangan kerajaan yang berkongsi maklumat rahsia dengan wartawan (Carter, 2018).

Malaysia telah menggubal APPM pada tahun 2010 untuk melindungi pemberi maklumat tetapi mengecualikan maklumat yang dilindungi atau dilarang daripada didedahkan di bawah undang-undang bertulis di Malaysia seperti maklumat rahsia di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan sebagainya (seksyen 6, APPM 2010). Rafizi Ramli telah disabitkan kesalahan kerana mendedahkan maklumat yang dilindungi oleh kedua-dua akta ini. Walau bagaimanapun, pemberi maklumat boleh mendedahkan kesalahan yang dilakukan kepada saluran-saluran yang diperuntukkan di bawah APPM 2010 tetapi tidak boleh membawa dokumen yang berkaitan kerana hanya agensi penguatkuasaan saja yang boleh menggeledah dan menyiasat maklumat tersebut.

Kesimpulan

Pemberi maklumat dianggap sebagai pembelot negara apabila mendedahkan maklumat yang dianggap sebagai rahsia negara walaupun maklumat tersebut adalah untuk kepentingan awam secara keseluruhannya. Ini dapat dilihat dari kes Edward Snowden, Bradley Manning, Helve Falciani dan Mohd Rafizi. Kebanyakan kerajaan menyekat maklumat yang dianggap sebagai rahsia kerajaan atau yang berkaitan dengan kepentingan kerajaan daripada didedahkan kepada pihak ketiga, apatah lagi kepada masyarakat awam. Dakwaan dan hukuman akan dikenakan ke atas pemberi maklumat tersebut di bawah undang-undang yang telah digubal bagi menyekat maklumat tersebut didedahkan. Perkara seperti ini tidak patut berlaku bila ia memudaratkan kepentingan orang awam walaupun manfaatnya diperolehi oleh sesuatu kerajaan. Ianya seperti mahkamah dihadapkan dengan individu yang didakwa melakukan jenayah kerana mendedahkan maklumat sulit kerajaan yang melakukan penyalahgunaan

kuasa secara nyata atau melakukan kegiatan yang tidak sah terhadap rakyatnya sendiri atau rakyat negara lain.

Jika perkara ini berlaku berterusan, ia tidak akan menggalakkan seseorang untuk memberi maklumat rahsia. Bayangkan apa akan jadi kepada dunia ini jika tidak ada orang yang sanggup memberi maklumat yang dianggap rahsia kerajaan kerana takut tindakan balas yang akan diterima, sedangkan kerajaan menyalahgunakan kuasa yang mencabul hak individu awam atau masyarakat dunia seperti yang didedahkan oleh pemberi-pemberi maklumat di atas.

Rujukan

- Abu Bakar, A., (2018). Keputusan kes Rafizi fitnah Tabung Haji 25 September. Dimuat turun dari <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/08/28/keputusan-kes-rafizi-fitnah-tabung-haji-25-september/>
- Allman, T. (2013) Snowden leaks: NSA 'hacked Yahoo and Google datalinks. Dimuat turun dari <https://www.bbc.com/news/av/world-us-canada-24753586/snowden-leaks-nsa-hacked-google-and-yahoo-data-links>
- Anwarul Yakin, (2007) Legal Research and Writing. Kelana Jaya: Malaya Law Journal
- Akta Pemberi Maklumat 2010
- Bernama. (2018). Tabung Haji depositors withdrew millions after Rafizi's posting on FB. Dimuat turun dari <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2018/03/12/tabung-haji-depositors-withdrew-millions-after-rafizis-posting-on-fb/>
- Biography. (n.d.). Edward Snowden Biography. Di muat turun dari <https://www.biography.com/people/edward-snowden-21262897>
- Burgen, S. (2018) HSBC whistleblower Herve Falciani facing extradition to Switzerland. Dimuat turun dari <https://www.theguardian.com/world/2018/apr/05/hsbc-whistleblower-herve-falciani-facing-extradition-to-switzerland>
- Carter, J. (2018). What you should know about Espionage Act. Dimuat turun daripada <https://providencemag.com/2018/01/know-espionage-act/>
- Channel NewsAsia. (2018). Najib Rosmah to pay Rm20,000 costs after dropping defamation suit against Rafizi, newportal, Dimuat turun daripada <https://www.channelnewsasia.com/news/asia/najib-rosmah-to-pay-rm20-000-costs-after-dropping-defamation-10470816>
- Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail & Anor V. Mohd Rafizi Ramli & Anor [2016] 9 Clj 813
- Ellsberg, D. (2013) Secrecy and National Security Whistleblowing. Dimuat turun dari https://www.huffingtonpost.com/daniel-ellsberg/secrecy-and-national-secu_b_2469058.html
- Gellman, B. dan Soltani, A., (2013). NSA infiltrates links to Yahoo, Google data centre worldwide, Snowden documents say. Dimuat turun dari https://www.washingtonpost.com/world/national-security/nsa-infiltrates-links-to-yahoo-google-data-centers-worldwide-snowden-documents-say/2013/10/30/e51d661e-4166-11e3-8b74-d89d714ca4dd_story.html?noredirect=on&utm_term=.af1e31099f7a
- Grand, G. (2013) 5 Famous Whistleblowers Who Shaped History. Dimuat turun dari <https://mic.com/articles/49867/5-famous-whistleblowers-who-shaped-history#.xS7RDSEro>
- Iskandar Syah Mohamed. (2018) Kes NFC: Rafizi, Johari bersalah. Dimuat turun dari <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/02/310746/kes-nfc-rafizi-johari-bersalah>

- Jessiekratz. (2017). Defining a Spy: the Espionage Act, Di muat turun daripada <https://prologue.blogs.archives.gov/2017/06/15/defining-a-spy-the-espionage-act/>
Khairul Azwan Harun V. Mohd Rafizi Ramli [2016] 9 Clj 858
- Leigh, D., Ball, J., Garside, J. Dan Pegg, D. (2015) HSBC files timeline: from Swiss bank leak to fallout. Dimuat turun dari <https://www.theguardian.com/business/2015/feb/11/hsbc-files-timeline-from-swiss-bank-leak-to-fallout>
- Mageswari, M. (2016) Rafizi Dihukum Penjara 18 Bulan, Dimuat turun dari <http://www.mstar.com.my/berita/berita-mahkamah/2016/11/14/rafizi-dipenjara-18-bulan/>
- Mansbach, A dan Bachner, Y.G., 2010 Internal or external whistleblowing: Nurses' willingness to report wrongdoing, dimuat turun daripada <http://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/0969733010364898>
- Maizatul Nazlina. (2018). Rafizi says sorry to Rahman Dahlan, ordered to pay RM20,000 in defamation suit. Dimuat turun dari <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/09/03/rafizi-says-sorry-to-rahman-dahlan-ordered-to-pay-rm20000-in-defamation-suit/>
- McGreal, C. (2010). Wikileaks reveals video showing US air crew shooting Iraqi civilians. Dimuat turun dari <https://www.theguardian.com/world/2010/apr/05/wikileaks-us-army-iraq-attack>
- Moore, F.H. (2015) Whistleblowers: Heroes not traitors. Dimuat turun dari https://www.huffingtonpost.co.uk/fiona-hotston-moore/whistleblowers-heroes_b_6783480.html
- Murni Omar. (2018). LTAT tarik balik saman terhadap Rafizi Ramli. Dimuat turun dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/05/427238/ltat-tarik-balik-saman-terhadap-rafizi-ramli>
- Near, J.P. dan Miceli, M.P. (1985) Organizational dissidence: The case of whistle-blowing. *Journal of Business Ethics*. 4-1, 1-16
- Public Disclosure Act 1998
- Utusan Online*. Dimuat turun daripada <http://www.utusan.com.my/berita/mahkamah/rafizi-didakwa-di-bawah-akta-rahsia-rasmi-1.225105>
- Khairul Azwan Harun V. Mohd Rafizi Ramli 2016 9 Clj 858
- Mohd Rafizi Ramli lwn PP (2014) 3 MLJ 114
- Papandrea, M.R. (2014). Leaker Traitor Whistleblower Spy: National Security Leaks and The First Amendment. Dimuat turun dari <https://www.bu.edu/bulawreview/files/2014/05/PAPANDREA.pdf>
- The Star Online. (2015). NFCorp boss acquitted of CBT. Dimuat turun dari <https://www.thestar.com.my/news/nation/2015/11/24/courts-nfcorp-boss-acquitted/>
- Transparency International. (2010). Whistleblowing: the effective tool in the fight against corruption. Dimuat turun daripada <https://www.transparency.ie/sites/default/files/TIWhistleblowing.pdf>
- Starman, A.B. (2013) The case study as a type of qualitative research, Dimuat turun dari <http://www.sodobna-pedagogika.net/wp-content/uploads/2013/03/Starman1.pdf>
- Utusan Online. (2018). Tabung Haji: Cubaan Rafizi gagal. Dimuat turun dari <http://www.utusan.com.my/berita/mahkamah/tabung-haji-cubaan-rafizi-gagal-1.517990#ixzz5R8H45uMl>
- Whistleblower Protection and the UN Convention Against Corruption, 2013 file:///C:/Users/StafUUM_PC/Downloads/2013_WhistleblowerProtectionUNCAC_EN.pdf

Wahi, S.A. (2018). Hukuman penjara terhadap Rafizi kekal, <http://www.sinarharian.com.my/semasa/hukuman-penjara-18-bulan-terhadap-rafizi-kekal-1.723285>

Yaqin, A. (2007). Legal Research and Writing. Kelana Jaya: Malayan Law Journal.